

PROJEK PAIP AGIHAN KEMAMAN KE GEBENG PENUHI KEPERLUAN INDUSTRI, KOMUNITI SETEMPAT



YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan Ismail merasmikan Penyerahan Projek Paip Agihan Air Dari Kemaman Ke Gebeng yang turut dihadiri YAB Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu.

KUANTAN, 12 DISEMBER 2024: Projek Paip Agihan dari Kemaman ke Gebeng bukan sekadar menyediakan bekalan air, malah juga mampu memastikan pengaliran air yang cekap untuk memenuhi keperluan industri dan komuniti di Gebeng.

YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan Ismail berkata, projek berkenaan juga dilihat mampu menarik lebih ramai pelabur untuk melabur di negeri ini.

Katanya, pembinaan saluran paip sepanjang 29.8 kilometer dari Tangki Bukit Kolam di Kemaman ke Tangki Gebeng Sentral B, serta rumah pam mampu menambah pengaliran air sehingga 90 juta liter sehari dengan kapasiti maksimum 115 juta liter sehari.

“Projek ini dapat mengurangkan keresahan dan kegelisahan pelabur-pelabur yang datang melabur di Gebeng ini dan juga komuniti sekitar ini.

YAB. Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy juga memberitahu, pihak Kerajaan Negeri Pahang dan Pihak Kerajaan Negeri Terengganu masih belum memuktamadkan lagi harga jualan bekalan air terawat dari Kemaman ke Gebeng berkenaan.

“Kadar akan dibincangkan antara Kerajaan Negeri Pahang dan Kerajaan Negeri Terengganu... dan juga antara Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) dan Syarikat Air Terengganu (SATU). Kita akan bincang.

“Dia (Kerajaan Negeri Terengganu) meletakkan harga RM1.40, tapi kita biasalah..kita minta kurang sikit. Terpulanglah kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Kita harap ia dapat pertimbangkanlah,” ujarinya.

Dalam pada itu, infrastruktur yang dibina ECERDC itu bagi memastikan bekalan air terawat yang konsisten dan mencukupi dari Kemaman ke kawasan perindustrian Gebeng, sekali gus menangani gangguan bekalan air yang berlarutan dan menyediakan kemudahan asas bagi pertumbuhan perindustrian yang berterusan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) sekali gus memenuhi keperluan industri serta penduduk setempat. -PAHANGMEDIA